



DATUK SAMY VELLU

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perang mulut Karpal tuduh Vellu salah guna kuasa

PERBAHASAN peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam petang ini dimulakan dengan 'perang mulut' antara penyokong kerajaan dari Pelabuhan Kelang, Encik Govindaraj dengan Encik Karpal Singh, anggota DAP dari Jelutong. Encik Karpal Singh ketika berucap membahaskan peruntukan kementerian ini telah menuduh Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu sebagai seorang yang tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakan kuasa.

Bila Encik Govindaraj menegur Encik Karpal Singh yang tidak sepatutnya membuat tuduhan seperti itu, perang mulut pun bermula.

Encik Govindaraj berkeras supaya Encik Karpal Singh menarik balik perkataan binatang dan singa, beliau juga dengan keras mengalakan setiap ahli dalam Dewan itu adalah manusia biasa.

Speaker, Datuk Zahir juga membuat keputusan bahawa perkataan seperti binatang atau sebagainya tidak sepatutnya digunakan dalam Dewan itu. Bagaimanapun, Encik Karpal menarik balik perkataan itu.

Bertambah

Sementara itu, Encik Khadri Sabran (BN-Tenggaruh) menyeru kerajaan terutama Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam supaya memperbaiki jalan di antara Keluang dan Merising.

Menurutnya, jalan itu perlu diperluaskan dan dibina serta menggantikan jambatan jambatan sepanjang jalan ini dari jambatan kayu kepada yang konkrit.

Ini katanya, perlu dibuat berdasarkan bertambahnya penduduk di kawasan itu, dan juga bertambah bilangan kenderaan yang melalui jalan tersebut serta tugasnya sebagai jalan penghubung antara Pantai Besar dan Pantai Timur Negeri Johor.

Encik Khadri juga mencadangkan agar dalam proses pembinaan

KUALA LUMPUR, Selasa

semula pejabat-pejabat kerajaan Persekutuan di negeri-negeri, tempat yang sesuai perlulah difikirkan dan dibina di kawasan yang memudahkan orang ramai berurusan dengan pejabat tersebut.

Beliau juga merasa sistem pembinaan cara 'turnkey' akan dapat melicinkan lagi kerja-kerja pembangunah dan Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam bolehlah menggunakan kaedah ini dalam projek-projek mereka.

Sementara itu kerajaan akan memperkenalkan beberapa langkah baru mulai tahun depan untuk meningkatkan lagi disiplin di kalangan penghuni di pusat-pusat pemuliharaan dadah di seluruh negara.

Seliasaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, Encik Jawan Empaling berkata salah satu ciri baru yang bakal diperkenalkan di bawah sistem berkenaan termasuk latihan 'ala tentera' bagi semua penghuni pusat-pusat tersebut.

Selain itu, pihak berkuasa akan juga mengasingkan penghuni baru dengan yang lama, katanya semasa mengulung perbahasan mengenai anggaran belanjawan bagi kementerianannya.

Beliau menambah, kementerianannya sentiasa memberi perhatian berat terhadap masalah penagih dadah dan usaha-usaha akan dijalankan

bagi meluaskan empat pusat pemulihan dadah yang ada sekarang bagi membolehkannya menampung lebih ramai lagi penagih dadah.

Selanjutnya, Encik Jawan Empaling berkata kerajaan tidak menafikan berlakunya kejadian mendera di Pusat Pemuliharaan Dadah Kuala Kubu Baharu.

Bagaimanapun, jelasnya kejadian mendera yang 'serius' akan di rujuk kepada pihak polis bagi tindakan selanjutnya.

Kerelaan

Mengetal pusat pemulihan tersebut, Encik Jawan Empaling berkata kejadian melarikan diri dari pusat berkenaan 'tidak menghairankan' kerana ia adalah sebuah institusi terbuka.

Katanya, penghuni yang memasuki pusat berkenaan bukan atas kerelaan hati mereka sendiri tetapi menurut perintah mahkamah.

Seramai 74 orang dari jumlah 272 penghuni telah melarikan diri dalam tahun 1970, 64 orang dari jumlah 469 penghuni melarikan diri dalam tahun 1980.

"Dalam tahun 1980 pula, 157 orang dari jumlah 447 penghuni melarikan diri sehingga Oktober tahun ini," jelasnya.

Beliau menjelaskan mereka lazimnya membari berbagai jenis alasan dan helah untuk berbuat demikian.